



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama dua anak mereka, Melinda (kiri), dan Mukriz pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah semalam.

um - 16/7/2004 : 3 Perdana

Kualiti pengurusan negara boleh dipertingkat — Mahathir

SINTOK 15 Julai — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara boleh berbangga kerana berjaya menguruskan krisis politik, ekonomi, dan sosial dengan baik tetapi kualiti pengurusan masih boleh dipertingkatkan.

Beliau berkata, pengurusan merupakan satu cabang ilmu dan kemahiran yang amat penting bagi melaksanakan sesuatu usaha, dan dengan kebolehan dalam bidang itu sahaja, barulah kejayaan dapat dicapai.

“Dalam usaha meningkatkan kua-

liti pengurusan, kajian kes tertentu boleh dilakukan sama ada dalam negara ataupun di negara lain,” katanya semasa berucap pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Pada konvokesyen itu, Dr. Mahathir menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Pembangunan manakala isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial. Anugerah itu disampaikan oleh Sultan Kedah,

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga Canselor UUM.

Dr. Mahathir berkata, penindasan terhadap umat Islam yang berlaku sekarang ini adalah kerana di kalangan orang Islam tidak ada kecekapan pengurusan dan pentadbiran.

“Mereka yang kononnya ingin mempertahankan umat Islam, hanya memburukkan imej agama dan umat Islam melalui tindakan serangan balas, tetapi serangan itu bukan terhadap umat Islam, tetapi hanya untuk membalas dendam,” katanya. — Bernama